


## PENGGUNAAN PERKATAAN ISLAM PADA NAMA-NAMA PERTUBUHAN

### Keputusan :

1. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor telah membuat keputusan bahawa hendaklah dibenarkan perkataan '**Islam**' digunakan oleh mana-mana organisasi atau pertubuhan yang mahu melaksanakan program-program Islam yang selama mana ia tidak bercangah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah.
2. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada hujah-hujah seperti berikut :

- i. Al-Quran

Allah telah mengisytiharkan dan menzahirkan Islam sebagai al-Din kepada umat terbaik, Firman-Nya :




### Maksudnya :

**Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepadamu dan Aku telah redha akan Islam itu menjadi agama untuk kamu.**

(al-Maidah : 3)

Allah telah menzahirkan bahawa hanya Islam sahaja al-Din yang diterima-Nya, Firman-Nya :




### Maksudnya :

Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan dia dia Akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.

(Ali Imran : 85)

Allah menzahirkan Islam untuk semua alam, Firman-Nya :




Maksudnya :

Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian) tu mereka mencari lain daripada Agama Allah? ada hal pada-Nya tunduk taat segala makhluk yang ada di langit dan di bumi sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa dan kepada-Nya mereka dikembalikan.

(Ali Imran : 83)

Allah memuji orang-orang Islam yang berbangga dengan keIslamannya :




Maksudnya :

Dan tidak ada yang lebih baik perkataan daripada orang yang menyeru kepada (menegaskan dan mamatuhi perintah) Allah serta ia mengerjakan amal yang soleh sambil berkata. “Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)

(Fusilat : 33)

Allah memerintahkan supaya umat Islam sentiasa bertakwa kepada-Nya dan mati dalam keadaan menzahirkan keislaman




Maksudnya :

Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam.

(Ali Imran : 102)

ii. Hadith


Rasulullah s.a.w selalu bersabda :



Maksudnya :

Aku telah redha bahawa Allah itu Tuhanku, Islam itu agamaku, dan Muhammad itu Nabi dan Rasulku.

Rasulullah ketika mengutus surat kepada pemimpin dunia dizamannya sering menyatakan bahawa islam adalah sumber keamanan, sebagaimana sabdanya :



Maksudnya :

Islamlah kamu nescaya kamu aman.

iii Pandanglah cendikiawan Islam mengenai penggunaan perkataan **Islam** :

- a. Perkataan Islam boleh digunakan sekiranya ia merupakan suatu jalan penyelesaian dimana ia tidak akan menjadi jalan penyelesaian melainkan dengan penggunaannya.
- b. Penggunaan perkataan Islam perlu diisytiharkan sekiranya ia bertujuan untuk memupuk rasa bangga dan mulia di kalangan umat Islam mengenai agamanya.
- c. Mengikut Al-Quran perpecahan di kalangan Ahli Kitab terdahulu bukanlah kerana ajaran Islam yang dibawa oleh para rasul tetapi perselisihan dan perpecahan itu berlaku kerana sifat hasad dengki sesama mereka.

iv. Antara kesan-kesan yang mungkin timbul sekiranya digugurkan perkataan Islam adalah seperti berikut :

Orang-orang bukan Islam terutama Yahudi dan Nasrani akan mendapat kemenangan tanpa apa-apa peperangan kerana telah berjaya menghapuskan penggunaan perkataan Islam daripada mana-mana organisasi orang Islam.